

Hukuman Mati di Bawah Undang-undang Jenayah Islam

Profesor Madya Paizah Hj. Ismail

Abstract

Death penalty is a sentence that is found in the Islamic criminal law. However, its application is limited to certain crimes and governed by strict conditions. The discussion, which is based on the views of the prominent jurists, makes a special focus on the death penalty imposed on the crimes which are not stated in undoubtful terms in the Quran and the Sunnah. The discussion also covers the means by which the penalty is implemented.

Pendahuluan

Salah satu hukuman yang terdapat dalam undang-undang jenayah Islam ialah hukuman mati. Ia diperuntukan bagi beberapa kesalahan yang amat terbatas bilangannya dan dengan syarat yang terlalu rapi dan ketat. Tulisan ini cuba melihat kedudukan hukuman ini di mana sebahagian masyarakat hari ini menganggap hukuman ini sebagai kejam dan tidak berperikemanusiaan. Tumpuan diberikan kepada hukuman bagi kesalahan yang tidak terdapat peruntukan secara jelas atau

khusus dalam al-Quran atau al-Sunnah.

Peruntukan-peruntukan

Secara khususnya hukuman mati dalam Undang-undang Jenayah Islam hanya diperuntukkan atas satu jenis kesalahan qisas, dan beberapa jenis kesalahan hudud tertentu. Dalam jenayah qisas, hukuman mati diperuntukkan atas kesalahan membunuh dengan sengaja. Antara nas-nas berkenaan ialah:

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman diwajibkan ke atas kamu Qisas berkenaan dengan orang-orang yang dibunuh, orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba dan wanita dengan wanita”

(al-Baqarah 2 : 178)

Firman Allah lagi, maksudnya:

“Dan telah kami tetapkan ke atas mereka di dalamnya (Taurat) bahawasanya jiwa (dibalas) dengan jiwa”

(al-Maidah 5 : 45)

Firman Allah lagi yang bermaksud:

“Dan dalam Qisas itu ada (jaminan) kelangsungan hidup bagi mu, wahai orang-orang yang berakal supaya kamu bertakwa”

(al-Baqarah 2:179)

Dalam al-Sunnah Rasulullah s.'a.w. bersabda, maksudnya:

“Sesiapa yang membunuh seorang mukmin dia hendaklah dibunuh balas kerananya kecualilah kalau wali pihak yang dibunuh memaafkannya”

(Hadis riwayat al-Nasai dari Abu Bakr, Muhammad Ibn Hazm)¹

Sabda Rasulullah s.'a.w. lagi:

“Sesiapa dibunuh maka keluarga yang dibunuh itu boleh memilih salah satu antara dua; samada Diat atau Qisas”

(Hadis riwayat al-Jama'ah)²

Dalam jenayah hudud, hukuman mati diperuntukkan bagi empat jenis kesalahan sahaja, iaitu kesalahan zina yang dilakukan oleh seorang yang muhsan, kesalahan murtad, kesalahan merompak dan kesalahan memberontak.

Dalam kesalahan zina yang dilakukan oleh orang yang muhsan peruntukan rejam sampai mati telah ditentukan oleh al-Sunnah. Sabda Rasulullah s.'a.w., yang bermaksud:

“Ambillah (keputusan ini) dariku. Allah telah menentukan kedudukan mereka. Dara dengan teruna rotan seratus kali dan buang daerah selama setahun. Manakala yang sudah kahwin dengan yang sudah

Hukuman Mati di Bawah Undang-undang Jenayah Islam

kahwin seratus rotan dan rejam”

(*Hadis riwayat al-Jama‘ah, kecuali al-Bukhari dan al-Nasai*)³

Sabda nabi s.‘a.w. lagi:

“Tidak halal darah seorang yang mengaku bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku ini Rasulullah kecuali dengan salah satu dari tiga perkara; penzina yang muhsan, pembunuh dan orang yang murtad”

(*Hadis riwayat al-Jama‘ah dari Ibn Mas‘ud*)⁴

Dalam kes-kes murtad, hukuman mati diperuntukkan melalui sabda Rasulullah s.‘a.w. yang mermaksud:

“Barangsiapa yang menukar agamanya maka bunuhlah dia”

(*Hadis riwayat al-Jama‘ah, kecuali Muslim*)⁵

Bagi kesalahan merompak pula ada empat jenis hukuman yang diperuntukkan oleh al-Quran. Salah satu darinya ialah hukuman bunuh. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Sesungguhnya pembalasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya dan membuat kerosakan di muka bumi, bahawa mereka itu akan dibunuh atau disalib atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bertimbal balik atau di buang negeri (tempat kediaman mereka). Yang demikian itu satu penghinaan bagi mereka di dunia dan di akhirat mereka beroleh seksa yang besar”

(*al-Maidah 5:33-34*)

Dalam ayat di atas dijelaskan bahawa ada empat jenis hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan merompak, iaitu bunuh, salib, potong tangan dan kaki secara bertimbal balik dan buang daerah atau negeri. Berdasarkan kepada ayat ini para fuqaha secara umumnya bersetuju menerima hukuman bunuh sebagai salah satu hukuman yang boleh dikenakan ke atas perompak. Begitupun, telah berlaku perbezaan pendapat di antara mereka samada ia boleh dikenakan secara mutlak atau dengan syarat-syarat khusus, seperti apabila berlaku pembunuhan.⁶

Pelaksanaan

Walaupun keempat-empat jenis kesalahan yang disebut di atas sama dari sudut hukuman namun dari sudut cara dan bagaimana hukuman itu dilaksanakan adalah berbeza.

Secara umumnya tidak terdapat huraian para fuqaha mengenai bentuk dan cara hukuman mati dilaksanakan dalam kes-kes murtad dan merompak. Dalam kesalahan murtad Rasulullah s.‘a.w. hanya menyebut: “Barangsiapa menukar agamanya maka bunuhlah dia,”⁷ dan dalam kesalahan merompak pula Allah s.w.t. berfirman:

"Sesungguhnya pembalasan orang-orang yang memerangi Allah dan Rasulnya dan membuat kerosakan di bumi bahawa mereka itu akan dibunuh atau disalib"

(al-Maidah 5:33)

Oleh kerana itu pihak pemerintah diberi kuasa memilih cara yang sesuai untuk melaksanakan hukuman ke atas pesalah.⁸

Walau bagaimanapun Ibnu Qudamah ada menyebut tentang cara hukuman mati dilaksanakan ke atas orang yang murtad. Mengikut beliau pesalah akan dipancung dengan pedang. Kerana, kata beliau pedang adalah satu-satunya alat membunuh. Bagi beliau pesalah tidak boleh dibakar. Tambah beliau lagi, walaupun diriwayatkan Abu Bakar al-Siddiq pernah menyuruh supaya dibakar orang-orang yang murtad, begitu juga Khalid pernah berbuat demikian, namun cara yang pertama tadi adalah sebaik-baiknya. Ini berdasarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Barangsiapa yang menukar agamanya maka bunuhlah ia, dan jangan mereka diseksa dengan kesiksaan Allah." Ibnu Qudamah menjelaskan maksud kesiksaan Allah di sini ialah membakar dengan api.⁹

Sebaliknya hukuman mati bagi kesalahan membunuh dengan sengaja, atau dalam Undang-undang Jenayah Islam disebut Qisas, telah dihuraikan oleh para fuqaha secara detail. Ini kerana Qisas walaupun tujuannya untuk mematikan si pembunuh sebagai satu hukuman atas apa yang dilakukannya namun ia mempunyai konsep dan pengertian yang tersendiri. 'AbdulQadir 'Audah telah mendefinisikan Qisas sebagai kesamaan atau keserupaan, iaitu membala si pembunuh dengan perbuatan yang sama atau serupa dengan apa yang dilakukan ke atas orang yang dibunuhnya.¹⁰ Sebagai contoh, jika sekiranya A telah membunuh B dengan menembak B maka hukuman Qisas boleh dilaksanakan dengan cara menembak A. Kalau A membunuh B dengan cara menikam, A boleh diQisas dengan cara ditikam. Begitulah seterusnya.

Berdasarkan kepada pengertian Qisas itu sendiri sebagai persamaan atau keserupaan maka sebilangan besar fuqaha mengatakan tidak ada satu bentuk khusus bagi pelaksanaan Qisas. Malah, oleh kerana Qisas itu hak mutlak keluarga orang yang dibunuh, pihak keluarga berkenaan boleh samada hendak supaya Qisas dilaksanakan seperti apa yang dilakukan oleh si pembunuh ke atas si mati atau dengan cara lain, seperti dengan pedang, tanpa mengira alat yang digunakan dan bagaimana pembunuhan itu dilakukan oleh si pembunuh. Syaratnya cara tersebut tidak boleh dianggap sebagai zalim atau melampaui batas.¹¹ Alasan yang menjadi pegangan mereka ialah firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Barangsiapa menceroboh ke atas kamu maka lakukan ke atas mereka seperti mana yang ia lakukan ke atas kamu"

(al-Baqarah 2:194)

Dan firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Kalaularah kamu bertindak maka hendaklah kamu bertindak dengan

Hukuman Mati di Bawah Undang-undang Jenayah Islam

*tindakan yang sama seperti apa yang dilakukan ke atas kamu”
(al-Nahl 16:126)*

Dalam al-Sunnah, Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya:

“Siapa yang membakar kami akan membakarnya dan siapa yang menenggelam kami akan menggelamkannya”¹²

Walau bagaimanapun terdapat juga sebilangan para fuqaha yang lebih cenderung untuk menentukan cara tertentu dalam pelaksanaan Qisas. Antara mereka ialah Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad mengikut satu riwayat darinya.¹³ Mengikut pendapat ini hukuman mati atau Qisas mesti dilaksanakan dengan cara dipancung dengan pedang atau dengan menggunakan senjata yang seumpama dengannya. Tidak kira apa pun juga alat yang digunakan dan bagaimana pembunuhan itu dilakukan oleh si pembunuhan. Ini berdasarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “Tidak boleh dilaksanakan Qisas kecuali dengan pedang.”¹⁴

Walau bagaimanapun pendapat Abu Hanifah dalam masalah ini bukan mutlak. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Abu Hanifah ialah cara ini lebih sesuai pada waktu itu dan lebih menjamin tidak berlaku tindakan yang melampaui batas. Dengan itu ternyata pandangan mereka ini tidak jauh berbeza dengan pandangan yang pertama tadi.

Bagi menjelaskan masalah ini ‘AbdulQadir ‘Audah memetik satu fatwa yang dikeluarkan oleh jawatankuasa fatwa di al-Azhar yang berbunyi: “Sebab pedang dipilih sebagai alat untuk melaksanakan Qisas ialah kerana ia lebih mempercepatkan kematian dan lebih mengurangkan kesakitan dan keseksaan. Sekiranya ada alat lain yang lebih cepat mematikan serta lebih mengurangkan kesakitan maka tidak salah di sisi syarak untuk menggunakaninya. Jadi, tidak salah melaksanakan Qisas dengan cara memancung kepala atau dengan menggunakan kerusi elektrik atau lain-lainnya yang boleh membawa kepada kematian secara lebih cepat dan tanpa banyak berlaku penyiksaan.”¹⁵

Hukuman mati atas pesalah zina muhsan pula telah ditentukan caranya oleh Islam, iaitu dengan direjam dengan batu atau yang seumpama dengannya sampai mati. Ibnu Qudamah menghuraikan rejam yang dimaksudkan sebagai baling atau lempar dengan batu sampai mati. Hukuman ini telah dipersetujui secara ijma’ oleh keseluruhan para fuqaha generasi sahabat, tabi’in dan seterusnya di setiap zaman dan tempat.¹⁷ Bagaimanapun sebilangan kecil puak Azariqah dari golongan Khawarij tidak bersetuju dengan pendapat demikian. Bagi puak ini hukuman zina sama saja bagi orang muhsan atau orang-orang bukan muhsan, iaitu sebat seratus kali. Kerana hukuman sebat sajalah yang tersebut dalam al-Quran, sedangkan hukuman rejam hanya sabit dengan hadis ahad. Kata mereka lagi walaupun hadis ahad ini boleh diterima sebagai dalil namun dengan syarat ia tidak bercanggah dengan mana-mana nas al-Quran yang sudah sabit secara *Qat'i*.¹⁸

Bagi jumhur fuqaha pula hadis-hadis mengenai rejam ada banyak sekali. Kerana itu walaupun hadis-hadis ini tidak mutawatir tetapi secara keseluruhannya hampir menyerupai *mutawatir*.¹⁹ Kerana setiap hadis berkenaan menegaskan kewajipan

hukuman rejam. Al-Syaukani, dalam menjawab pendapat di atas berkata, segala alasan golongan Azariqah tersebut tidak betul. Kerana rejam di samping sabit dengan hadis-hadis yang *mutawatir*, ia juga pernah sabit dengan al-Quran. Kata beliau, walaupun ayat mengenai rejam ini telah dimansuhkan bacaannya, namun hukum mengenainya masih terpakai dan diterima. Hal ini ditegaskan oleh ‘Umar r. ‘a. apabila beliau berkata: “Sesungguhnya di antara ayat-ayat yang diturunkan oleh Allah s.w.t. ke atas Rasulullah s.‘a.w. ialah ayat rejam. Maka kami sentiasa membacanya dan mengha falnya. Begitu juga kami sentiasa melaksanakan rejam selepas nabi s.‘a.w.”²⁰ Oleh kerana itu, Ibnu Qudamah telah menyebut Ibnu al-Munzir sebagai berkata bahawa hukuman rejam sampai mati ini telah dipersetujui oleh para ulama secara ijma’.²¹

Hukuman Mati dalam Kesalahan Ta‘zir

Secara umumnya, kesalahan ta‘zir ialah kesalahan yang tidak diperuntukkan hukuman khusus oleh syarak. Segala hukuman ke atasnya akan ditentukan oleh pemerintah berdasarkan kuasa-kuasa yang diberikan Syarak kepadanya.

Dalam syariat Islam, ta‘zir pada asasnya bertujuan untuk pencegahan dan pengajaran. Di samping itu ia juga mengandungi pemulihan dan pendidikan. Oleh itu, dalam kes-kes seperti ini Islam mengharamkan segala bentuk hukuman yang tidak menepati tujuan tersebut, misalnya dengan tujuan untuk menyiksa atau sebagainya.

Walaupun begitu, sebagai satu pengecualian daripada kaedah umum, banyak fuqaha mengharuskan pelaksanaan ta‘zir dalam bentuk hukuman mati. Syaratnya apabila ada kepentingan umum, atau apabila penjenayah berkenaan dianggap amat berbahaya seperti melakukan pengintipan rahsia penting negara atau telah melakukan kesalahan-kesalahan yang besar.²² Dengan menganggap hukuman mati dalam kes-kes ta‘zir ini sebagai satu pengecualian daripada kaedah umum, para fuqaha berpendapat pelaksanaannya tidak boleh secara sewenang-wenang. Ia perlu tertakluk kepada batas-batas tertentu, dan kepentingan umum yang memerlukan hukuman itu dilaksanakan.²³

Para fuqaha mazhab Hanafi menamakan langkah seperti ini sebagai siasah Syar‘iyyah. Kata Ibnu ‘Abidin dalam Hasyiahnya:

“Sesungguhnya menjadi dasar mazhab Hanafi bahawa setiap pembunuhan yang tidak boleh dihukum Qisas seperti membunuh dengan benda berat atau melakukan persetubuhan bukan pada kemaluan secara berulangkali maka imam (pemerintah) boleh menjatuhkan hukuman mati ke atas pelakunya. Begitu juga imam boleh menambah hukuman atas apa yang sudah ditentukan kadarnya jika dirasakan ada maslahatnya. Bagi mereka apa-apa yang sabit dari rasulullah s.‘a.w dan para sahabatnya mengenai hukuman mati pada kes-kes seperti ini disebabkan ada kepentingan atau maslahatnya. Mereka menamakan hukuman mati tersebut sebagai hukuman yang berasaskan siasah²⁴

Begitu juga fuqaha mazhab lain seperti dari mazhab Maliki, Syafi‘i dan

Hanbali. Secara umumnya kebanyakan mereka bersetuju dikenakan hukuman mati dalam kes-kes ta'zir yang dianggap serius. Walaupun dalam menentukan keseriusan sesuatu jenayah itu pandangan-pandangan mereka mungkin tidak sama, namun penerimaan mereka secara umum terhadap hukuman mati itu sendiri adalah jelas. Antara contoh yang mereka berikan bagi jenayah ta'zir yang boleh dikenakan hukuman mati ialah pengintipan bagi pihak musuh, penyebaran bid'ah, penggugatan akidah, perlakuan homosex (liwat) dan mengulangi kesalahan hudud seperti mencuri atau minum arak secara acapkali.²⁵

Sesuai dengan hakikat bahawa hukuman bunuh dalam bentuk ta'zir ini hanya boleh dilaksanakan sebagai satu pengecualian sahaja. Pemerintah tidak mempunyai kuasa yang luas untuk melaksanakannya, tidak seperti hukuman-hukuman ta'zir yang lain. Sebaiknya pihak pemerintah menentukan lebih awal kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan hukuman mati dalam bentuk ta'zir ini dan tidak melaksanakannya kecuali dalam keadaan yang memerlukan sahaja.²⁶

Sebahagian fuqaha lain berpendapat,²⁷ hukuman mati hanya boleh dikenakan atas tiga jenis kesalahan jenayah sahaja iaitu membunuh, berzina dan murtad. Pandangan ini berasaskan hadis Rasulullah s.'a.w. yang bermaksud: "Tidak halal darah seseorang muslim yang mengaku tiada tuhan melainkan Allah kecuali dengan tiga perkara: membunuh, berzina orang yang muhsan dan murtad."²⁸ Berdasarkan hadis ini mereka berpendapat tidak harus dikenakan hukuman bunuh secara ta'zir atas kesalahan-kesalahan selain dari yang tiga di atas.

Walau bagaimanapun perlu diperhatikan bahawa pengertian yang didapati dalam hadis tersebut bercanggah dengan pengertian beberapa hadis lain yang menyebut boleh dikenakan hukuman bunuh atas kesalahan-kesalahan selain dari yang disebut oleh hadis di atas. Antara hadis berkenaan ialah sabda Rasulullah s.'a.w. yang bermaksud: "Mana-mana orang yang keluar dan menyeru orang ramai supaya berpecah belah maka bunuhlah dia,"²⁹ dan sabda Rasulullah s.'a.w. dalam hadis lain yang bermaksud: "Sesiapa yang kamu dapati melakukan perbuatan kaum lut (liwat) maka bunuhlah dia",³⁰ dan sabda Rasulullah s.'a.w.: "Sesiapa yang bersetubuh dengan binatang maka bunuhlah dia."³¹

Sebagai menyokong pandangan yang mengharuskan hukuman mati dalam jenayah ta'zir ini 'AbdulAziz Amir memberi pandangannya dengan berkata bahawa pengertian umum hadis-hadis yang tidak menyebut keharusan hukuman bunuh perlu dibatasi oleh hadis-hadis yang mengharuskannya dan yang menunjukkan hukuman tersebut boleh dilaksanakan juga atas jenayah-jenayah yang selain dari tiga yang disebut oleh hadis berkenaan.³² Memberikan pandangan sendiri dalam hal ini, beliau berkata, menghadkan hukuman mati atas beberapa jenis kesalahan hudud dan qisas sahaja bertentangan dengan konsep Syariat mengenai kesiksaan. Bagi Syariat Islam hukuman mesti setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Ia samada berdasarkan bahawa jenayah itu sendiri serius seperti jenayah yang mengancam keamanan negara, agama dan akidah atau kerana penjenayah berbahaya kepada masyarakat dan bahayanya itu tidak boleh dibendong dengan hukuman selain dari hukuman mati.³³

Kesimpulannya, walaupun sebahagian besar para fuqaha bersetuju pada

dasarnya dikenakan hukuman mati atas kesalahan ta'zir, namun mereka tidak membuka ruang yang terlalu luas untuk pelaksanaannya. Sebaliknya mereka berpendapat pihak pemerintah mesti terikat dengan syarat-syarat tertentu samada dalam menentukan jenis jenayah atau jenis penjenayah yang boleh dikenakan hukuman demikian. Tujuannya ialah supaya agar ia tidak terkeluar dari apa yang digariskan oleh Syariat Islam yang menginginkan keadilan dalam pelaksanaan undang-undangnya dan agar objektif dari kesiksaan tersebut dapat dicapai.

NOTA KAKI

1. Al-Syaukani, *Nail al-Autar*, jld. 7, ms. 212.
2. *Ibid.*, ms. 148.
3. *Ibid.*, ms. 249.
4. *Ibid.*, ms. 146.
5. *Ibid.*, jld. 8, ms. 2.
6. Lihat huriahan mengenainya dalam: al-Ansari, *Asna al-Mutalib*, jld. 4, ms. 154, Ibnu Qudamah, *al-Mughni*, jld. 9, ms. 145, al- Kasani, *Bada'i al-Sana'i*, jld. 7, 8 8 ms. 93. Ibnu Rusyd, *Bidayah al-Mujtahid*, jld. 2, ms. 494 dan Ibnu Hazm, *al-Muhalla*, jld. 11, ms. 319, 387.
7. Al-Syaukani, *op.cit.*
8. Al-Syarbini al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, jld. 4, ms. 140.
9. Ibnu Qudamah, *op.cit.*, jld. 9, ms. 6.
10. *Al-Tasyri' al-Jina'i*, jld. 2, ms. 114.
11. Lihat perbincangan mengenainya dalam al-Dirdir, *al-Syrah al-Kabir*, jld. 4, ms. 400, al-Syirazi, *al-Muhazzab*, jld. 2, ms.199 dan Ibnu Qudamah, *op.cit.*, jld. 8, ms. 304.
12. Al-Syaukani, *op.cit.*, jld. 7, ms. 164.
13. Ibnu al-Humam, *Takmilah Fath al-Qadir*, ms. 223, Ibnu Qudamah, *op.cit.*, jld. 8, ms. 301.
14. Al-Syaukani, *op.cit.*, jld. 7, ms. 165.
15. *Al-Tasyri' al-Jina'i*, jld. 2, ms. 154
16. Ibnu Qudamah, *op.cit.*, jld. 4, ms. 36.
17. Ibnu Qudamah, *Ibid.*, ms. 35, al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, ms. 224, Ibnu al-Humam,

Hukuman Mati di Bawah Undang-undang Jenayah Islam

- Fath al-Qadir*, jld. 5, ms. 224, al-Syarbini al-Khatib, *op.cit.*, jld. 4, ms. 153.
18. Muhammad Abu Zahrah, *al-Jarimah wa al'Uqubah*, ms. 144.
19. Ibnu Qudamah, *op.cit.*, jld. 9, ms. 35.
20. *Nail al-Autar*, jld. 7, ms. 254.
21. Ibnu Qudamah, *op.cit.*, jld. 9, ms. 36. p73
22. 'AbdulQadir 'Audah, *op.cit.*, jld. 1, ms. 688.
23. *Ibid.*, Ibnu Qudamah, *al-Turuq al-Hukmiyyah*, ms. 107
24. Hasyiah Ibnu 'Abidin, jld. 4, ms. 62-63.
25. Lihat contoh-contoh dalam Ibnu Abidin, *Ibid.*, jld. 4, ms. 63, al-Bahuti, *Kasysyaf al-Kina 'an Matn al-Iqna'*, jld. 6, ms. 169, 'Abdul 'Aziz Amir, *Ta'zir fi al-Syariat al-Islamiyyah*, ms. 306.
26. 'AbdulQadir 'Audah, *op.cit.*, jld. 1, ms. 688.
27. Sebagaimana disebut oleh 'AbdulAziz Amir, *op.cit.*, ms. 307.
28. Hadis Ibnu Mas'ud. Lihat al-Syaukani, *op.cit.*, jld. 7, ms. 146.
29. Hadis riwayat Abu Daud dan al-Nasa'i, lihat Ibnu Qudamah, *op.cit.*, jld. 8, ms. 423.
30. Al-Syaukani, *op.cit.*, jld. 7, ms. 286.
31. *Ibid.*
32. 'AbdulAziz Amir, *op.cit.*, ms. 30.
33. *Ibid.*, ms. 323.